

Pendirian Mahathir dapat pujian

Daripada
ZAINUDDIN AYIP

DENPASAR (Bali), Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad disifatkan sebagai tokoh paling popular sepanjang persidangan Asean dan Ekonomi Dunia: Cabaran dan Perubahan selama tiga hari yang berakhir hari ini.

Di sana-sini, sama ada di hotel penginapan perwakilan dan tempat persidangan menyebut-nyebut nama Perdana Menteri sebagai tokoh yang berani, tegas dan sedia berhadapan dengan ratusan peserta sesuatu persidangan antarabangsa.

"Ucapan Datuk Seri Dr Mahathir tegas tapi bersahaja dan setiap soalan dijawab dengan cepat tetapi berisi," kata beberapa perwakilan yang ditemui selepas beliau membuat ucapan dasar di persidangan itu malam tadi.

Seorang perwakilan dari Filipina, Dr Jose Benedicto, berkata Perdana Menteri Malaysia memang berani dan mampu mengawal suasana persidangan.

Beliau yang juga Gabenor Daerah Makati, berkata ramai rakyat Filipina mengenali beliau sebagai pemimpin Asean yang berani dan tegas.

Seorang wartawan kanan akhbar The Straits Times Singapura yang membuat liputan itu, mengakui kehebatan Datuk Seri Dr Mahathir.

"Saya mendengar sendiri ucapannya. Hebat dan bernas," katanya.

Beliau turut membandingkan keupayaan pemimpin Malaysia itu dengan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong yang turut menyampaikan ucapan dasar semalam.

"Di antara kedua-duanya, Datuk Seri Dr Mahathir lebih di atas. Beliau berucap dan bersoal-jawab dengan tenang hingga beberapa kali suasana persidangan bergema tepuk sorak," ujarnya.

Sebagai contoh, sewaktu bersoal-jawab, begitu ramai peserta mahu mengemukakan soalan tetapi Pengerusi Majlis, William Soeryadjaya dari Indonesia hanya membenarkan lima atau enam peserta mengemukakan pertanyaan.

Beberapa wartawan Indonesia juga menganggap Datuk Seri Dr Mahathir sebagai tokoh popular yang dihormati.

Memang beliau pemimpin besar yang mampu berhadapan dengan ratusan perwakilan, kata wartawan kanan Kompas, harian terbesar di republik itu.

Turut mendengar ucapan Perdana Menteri ialah Menteri Pendidikan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Musa Hitam, Menteri Kebudayaan dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik. Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah juga hadir.

Hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir berlepas ke Pulau Batam sebelum pulang ke Kuala Lumpur pada sebelah petang.